



KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
18 MEI 2024 / 9 ZULKAEDAH 1445H

KILANG PROSES E-WASTE DIDALANGI WARGA ASING DISERBU

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menjalankan operasi penguatkuasaan di sebuah premis tidak bernama yang merupakan kilang memproses sisa elektronik atau 'e-waste' di Klang, Selangor pada 16 Mei 2024. Operasi yang bermula pada jam 1.30 tengah hari itu melibatkan sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Pencegahan ATIPSOM & AMLA dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya.

Operasi ini dijalankan berdasarkan aduan awam berkaitan kilang yang disyaki beroperasi secara haram dan turut menggajikan warga asing dengan kemungkinan terdapatnya elemen eksploitasi pemerdagangan orang. Operasi serbuan menggunakan pendekatan siasatan awal mengenalpasti mangsa pemerdagangan orang berpandukan kepada *National Guideline on Human Trafficking Indicators* (NGHTI) 2.0.

Seramai 35 warganegara asing telah diperiksa dalam operasi ini dan hasil pemeriksaan JIM telah menahan seramai 33 warganegara asing terdiri daripada dua lelaki warganegara China, 27 lelaki warganegara Myanmar, dua lelaki warganegara Cambodia, seorang wanita warganegara Myanmar dan seorang wanita warganegara Cambodia. Kesemua yang ditahan berusia dalam lingkungan umur 19 hingga 40 tahun yang bekerja dan tinggal di ruang kilang yang dijadikan asrama sejak empat bulan lalu. Kesemua warganegara asing ini tidak memiliki dokumen perjalanan sewaktu ditahan dipercayai disimpan oleh pengusaha kilang yang disyaki merupakan warganegara China.

Modus Operandi kilang ini adalah memproses sisa *e-waste* yang melibatkan proses peleraian dan pengasingan bahan berbahaya dengan logam berharga. Berdasarkan inouis yang ditemui, sisa *e-waste* yang diterima hanya dalam jumlah kapasiti tertentu yang akan dipastikan boleh diproses dan disiapkan dalam tempoh seminggu kerana proses tersebut hanya boleh diselia oleh pekerja warganegara China yang berkemahiran. Bagi mengaburi aktiviti ini,

warganegara China tersebut akan beralih ke kilang-kilang lain yang menjalankan aktiviti sama sebelum keluar meninggalkan negara ini. Hasil keuntungan dipercayai boleh mencecah sekitar RM300,000 hingga RM500,000 setelah barangan siap dikitar semula.

Berdasarkan risikan dan maklumat yang diperolehi daripada warganegara asing yang ditahan, disyaki syarikat yang menjalankan kitar semula *e-waste* ini didaftarkan kepada warganegara Malaysia tetapi diuruskan secara proksi oleh warganegara China.

Jabatan akan meneruskan usaha mengesan pemilik kilang berdasarkan nombor pasport yang diperolehi termasuk pemilik lot tanah tersebut. Kes disiasat di bawah Akta Imigresen, Akta Pasport termasuk Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 (Akta 670).

Jabatan sentiasa memandang serius akan isu ini dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu, syarikat dan majikan yang terlibat dalam menggajikan PATI, amalan pekerja terabai dan membawa kepada elemen buruh paksa yang seterusnya membawa kepada isu eksploitasi. Operasi penguatkuasaan akan diteruskan dan tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen, Akta Pasport, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 (AKTA 670).

Orang awam dinasihatkan untuk terus menyalurkan maklumat kepada Jabatan Imigresen Malaysia agar tindakan undang-undang boleh diambil dalam usaha penguatkuasaan ke atas majikan, PATI serta untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

#TAMAT#

DATO' RUSLIN BIN JUSOH
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA